

# **PANDUAN MENANAM BAWANG**

## **PENGENALAN**

Bawang merah ( *Alium cepa*) adalah salah satu bahan penting dalam masakan harian negara ini dan sejenis tanaman yang cepat berhasi. Pada masa sekarang, bawang merah dan bawang putih keseluruhannya diimport dari luar negara seperti Thailand, Filipina dan India. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian, sebanyak 194,300 mt bawang merah diimport bernilai Rm 267.2 juta iaitu kira-kira 33% daripada jumlah import negara.

Di Malaysia, tanaman bawang mula diperkenalkan di sekitar tahun 80an dan berjaya mengeluarkan hasil tetapi sehingga kini, penanaman bawang secara besar-besaran belum lagi diusahakan di negara ini. Faktor harga yang terlalu rendah, hasil yang sederhana, kos yang tinggi berbanding dengan bawang yang diimport menyebabkan penanaman bawang tidak ekonomik untuk diteruskan.

Dalam usaha mengurangkan import bahan makanan semasa negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi dan kejatuhan nilai matawang minat terhadap penanaman bawang bagi maksud penggantian import telah timbul. Beberapa percubaan menanam bawang merah dilakukan bertujuan untuk melihat potensi tanaman tersebut khususnya dari segi agro-ekonomik dan menggantikan bawang yang diimport.

Berdasarkan percubaan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian di beberapa tempat, didapati bawang sesuai ditanam di tanah berpasir dan tanah mineral asalkan mengandungi bahan organik dan tahap kesuburan yang tinggi. Pengairan yang mencukupi dalam masa lima minggu selepas menanam dan kering setelah pokok berumur 8 minggu adalah penting. Penggunaan sungkupan seperti jerami padi dapat mengekalkan kelembapan dan mengawal suhu tanah. Kawalan rumpai dibuat pada peringkat awal pertumbuhan dan semasa penyediaan tanah.

## **BENIH BAWANG**

Benih yang bermutu adalah penting. Percubaan yang dijalankan menggunakan benih dari bawang jenis Thailand, Filipina, China dan India. Pemerhatian menunjukkan penggunaan bawang sebagai benih tanaman menimbulkan masalah seperti peratus percambahan yang tidak menentu ( antara 60-70 % ) dan tidak serentak, pertumbuhan yang tidak sihat (vigorous) serta melibatkan kos yang tinggi. Walaubagaimanapun bawang jenis India adalah lebih baik dari jenis yang lain dari segi pertumbuhan, ketahanan dari gejala 'White Tip' ( kekeringan bahagian hujung daun ) dan penghasilan bawang.

## **HASIL**

Dari segi hasil bawang, pemerhatian yang dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Tanah Jabatan Pertanian mendapati hasil adalah diantara 2.8 – 4.2 mt/ha bawang bersih yang telah dikeringkan. Hasil bawang ini boleh dipertingkatkan dengan penggunaan benih bawang yang lebih bermutu.

Dari segi kos pengeluaran bawang, kos keseluruhan ( menggunakan tenaga buruh upah ) dianggarkan RM 12,690 sehektar. Berasaskan hasil bawang sebanyak 3.5 mt/ha dan harga jualan sebanyak Rm 4.00/kg, pendapatan kasar bawang merah semusim ialah sebanyak RM 14,000. Ini memberikan pulangan bersih sebanyak RM 1,310/ha/musim, manakala nisbah kos-faedah 1:1.10.

Melihat kepada kos pengeluaran, hasil dan nisbah kos-faedah, kita dapati aktiviti pengeluaran bawang dengan teknologi yang ada sekarang tidak begitu memberangsangkan berbanding dengan aktiviti pengeluaran lain-lain sayuran seperti kacang panjang atau cili yang memberikan pulangan yang lebih baik.

Bagi membolehkan aktiviti penanaman bawang menjadi lebih menarik dan menguntungkan, beberapa strategi pengeluaran perlu dilakukan. Antara strategi-strategi ini adalah:

### **Mengurangkan kos pengeluaran**

Salah satu cara mengurangkan kos pengeluaran ialah penggunaan biji benih sebagai bahan tanaman. Analisis menunjukkan kos penggunaan bawang sebagai bahan tanaman adalah 30-45% daripada kos pengeluaran. Penggunaan biji benih sebagai bahan tanaman boleh mengurangkan kos benih sebanyak 90 % atau 25 -40% kos pengeluaran.

### **Meningkatkan hasil bawang**

Percubaan penanaman bawang yang dijalankan masih belum memberikan potensi hasil sebenar bawang. Peningkatan dalam teknik-teknik penanaman dan penggunaan benih tanaman yang bermutu boleh memberikan hasil sehingga 6 mt/ha/musim.

### **Penanaman secara kecil-kecilan**

Perlu diperkenalkan dan digalakkan kepada petani-petani kecil kerana kerana pendekatan ini mampu mengurangkan kos disamping memberi peluang yang lebih baik berdasarkan penjimatan kos oleh sebab penggantian kos tanaga upah kepada kos tenaga keluarga.

Berasaskan fakta yang dibincangkan diatas, penanaman bawang merah di Malaysia mempunyai potensi yang baik. Kita telah mempunyai teknologi yang mampu mengeluarkan hasil bawang merah. Kejatuhan nilai ringgit menjadikan bawah merah impot mahal dan bawang merah tempatan menjadi lebih kos kompetitif. Apa yang perlu dilakukan ialah meningkatkan produktiviti pengeluaran bawang merah supaya ia lebih menarik untuk diusahakan oleh pihak swasta dan juga petani-petani.